




**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM  
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)**  
**Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan  
Perubahan Iklim**  
**(Ministry of Energy, Science, Technology, Environment &  
Climate Change)**  
**Batu 24, Jalan Dengkil,  
43800, Dengkil, Selangor**



17 Januari 2019  
Notis Pemberitahuan AELB  
Bil. 01/2019

## **PENETAPAN TEMPOH SAH PENSTORAN TETAP MENGIKUT TEMPOH SAH LESEN**

### **TUJUAN**

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan mengenai penetapan tempoh sah penstoran tetap mengikut tempoh sah lesen syarikat.

### **LATAR BELAKANG**

2. Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) telah mengeluarkan panduan Kemudahan Penstoran Bagi Tujuan Menstor Bahan Radioaktif (LEM/TEK/70), yang menggariskan kriteria penstoran yang perlu dilaksanakan bagi mendapatkan kelulusan AELB sebelum penstoran tersebut boleh digunakan. Pada masa ini, AELB telah menetapkan suatu tempoh sah penggunaan penstoran sementara, manakala penstoran tetap tidak mempunyai tempoh sah bagi penggunaannya. Bagi memastikan semua kemudahan penstoran adalah sentiasa berupaya memenuhi aspek kawalan keselamatan dan sekuriti yang terkini, AELB perlu mengenakan tempoh sah bagi kemudahan penstoran tetap.

## **ARAHAN AELB**

3. Selaras dengan perlaksanaan bagi meningkatkan keberkesanan elemen keselamatan dan sekuriti, AELB dengan ini memutuskan tempoh sah penggunaan penstoran tetap adalah mengikut tempoh sah lesen. Dengan mengambil kira kesesuaian dan konsistensi pemantauan ke atas lesen syarikat, AELB memutuskan supaya tempoh sah penggunaan penstoran tetap adalah mengikut tempoh sah lesen syarikat sedia ada.
4. Permohonan untuk membaharui penstoran tetap ini adalah pakej bersama-sama dengan permohonan membaharui lesen syarikat. Sekiranya permohonan penstoran tetap tidak diluluskan, maka permohonan membaharui lesen juga tidak diluluskan.

## **PENGUATKUASAAN ARAHAN**

5. Arahan ini adalah berkuatkuasa **serta merta**.

## **PENUTUP**

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan AELB menggunakan alamat di bawah:

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor	No. Tel : +603-89225888 No. Faks : +603-89223685 E-mel : <a href="mailto:mnr-customer@aelb.gov.my">mnr-customer@aelb.gov.my</a> Laman Web : <a href="http://wwwaelb.gov.my">wwwaelb.gov.my</a>
---	---